

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 JUN 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4

Kerajaan telah tetapkan tarikh rasionalisasi subsidi diesel – Rafizi

Kerajaan telah tetapkan tarikh rasionalisasi subsidi diesel - Rafizi

KUALA LUMPUR - Kerajaan telah memutuskan dan menetapkan tarikh rasionalisasi subsidi diesel, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.



RAFIZI

Beliau berkata, pengumuman itu akan dibuat pada masa yang sesuai.

“Cuma turutan perlu diperbetulkan dan ia adalah mengenai mengimbangi dan mengurangkan risiko inflasi yang mendadak. Kami telah menemui jalan penyelesaian.

“Satu lagi sebab, bekalan. Sebab kadangkala bagi pelan awal...tiba-tiba pengguna akan menambah bekalan awal sebab mereka tahu harga akan naik dalam masa dua atau tiga bulan lagi.

“Jika kita melakukan penyasaran semula subsidi diesel untuk tujuan menguruskan kegiatan menyorokkan bekalan dan penyeludupan, pengumuman tarikh itu akan menyumbang kepada peningkatan penyeludupan,” katanya pada sidang akhbar di sini pada Khamis.

Menurut Rafizi, adalah mustahil untuk penguatkuasaan yang lebih ketat kerana terdapat hanya kira-kira 2,500 pegawai penguat kuasa.

Sementara itu, Rafizi berkata, pengeluaran minyak di negara ini mencatatkan penurunan dalam tempoh 15 tahun lepas daripada kemuncaknya iaitu 650,000 tong sehari kepada sekitar 360,000 hingga 370,000 tong sehari.

Menurutnya, sekarang merupakan masa yang baik untuk menyemak semula industri minyak dan gas.

“Jadi perubahan ini memerlukan pelarasan semula dasar kerajaan tetapi memerlukan sektor OGSE yang lebih mampan serta mencapah. Ia bukan semata-mata melihat kepada pasaran tempatan,” katanya.